



**SIARAN AKHBAR  
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**PEMBUKAAN POS KAWALAN KASTAM SUNGAI TUJOH**

**Hari Khamis, 11 November 2015**

---

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan sukacita memaklumkan bahawa Bangunan Pos Kawalan Kastam Sungai Tujoh yang baru akan mula beroperasi pada Hari Sabtu, 14 November 2015. Peroperasian hanya akan melibatkan laluan masuk ke Negara Brunei Darussalam, manakala laluan keluar ke negara jiran masih menggunakan pos kawalan yang sedia ada.

4 lorong bagi kenderaan biasa dan 4 lorong bagi kenderaan komersial termasuk bas penumpang telah disediakan dalam hasrat untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan efisien kepada orang ramai.

Pengguna adalah dinasihatkan untuk mematuhi arahan dan papan tanda yang disediakan bagi membantu untuk melancarkan lagi pemeriksaan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

